

**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER**

Tel : +606 555 2111 | Faks : +606 555 2112

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM.22.01.01/100-3/12 ( 9 )  
Rujukan Tuan (Your Ref) :

15 Februari 2013

**Semua Staf**

Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*Assalamualaikum wrt, wbt. dan Salam Sejahtera,*

Y.Bhg. Dato' /Prof./Prof. Madya/Dr./Engr./Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING DALAMAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER BIL. 1/2013**

**- GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN PENGGUNAAN MAKMAL FKEKK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas di rujuk dan keputusan Mesyuarat Fakulti Bil. 1/2013 bertarikh 14 Februari 2013 adalah berkaitan .


2. Dimaklumkan bahawa, Surat Pekeliling Dalaman ini di keluarkan bertujuan untuk menjelaskan garis panduan penggunaan makmal FKEKK oleh pelajar pada waktu dan hari bekerja.

3. Garis panduan pelaksanaan seperti di **Lampiran** dan staf yang berkaitan (Ketua Makmal / Staf Teknikal) di pohon memastikan garis panduan ini di patuhi.

Sekian. *Wassalam.*

**"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Saya yang menjalankan tugas,



**PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN**

Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

## GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN PENGGUNAAN MAKMAL FKEKK

### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Dalaman FKEKK ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan garis panduan pelaksanaan penggunaan makmal FKEKK oleh pelajar FKEKK.
- 1.2 Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang telah ditetapkan, pelajar dibenar menggunakan kemudahan peralatan di makmal untuk menyelesaikan tugas akademik secara perseorangan atau berkumpulan sepanjang masa makmal dibuka.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Fakulti mempunyai 19 buah makmal dari pelbagai disiplin yang menyokong P&P terutamanya untuk pelajar FKEKK menjalankan ujikaji.
- 2.2 Pihak Universiti telah memperuntukan sebahagian besar kewangannya untuk membangunkan infrastruktur makmal bagi kegunaan para pelajar serta kakitangannya (staf akademik)
- 2.3 Setiap makmal dibuka dari jam 8.00 am hingga 5.00 pm, dan pelajar dibenarkan memasukinya bagi tujuan P&P, sama ada yang telah ditetapkan (melalui jadual waktu) atau melalui permohonan.
- 2.4 Sehubungan itu pihak pengurusan fakulti mendapati terdapat kewajaran untuk memantapkan lagi garis panduan penggunaan makmal oleh pelajar FKEKK.

### 3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menyediakan kemudahan bagi pelajar FKEKK menggunakan komputer atau menjalankan ujikaji sepanjang waktu makmal beroperasi iaitu:-
  - i. 8.00 am – 1.00 pm
  - ii. 2.00 pm – 5.00 pm

#### 4.0 GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN PENGGUNAAN MAKMAL FKEKK

4.1 Berikut adalah garis panduan pelaksanaan:-

##### 4.1.1 Masa penggunaan-

- i. Pelajar dibenar menggunakan makmal sepanjang waktu dan hari bekerja.
- ii. Semasa terdapatnya aktiviti P&P di makmal, pelajar perlu mendapatkan kebenaran dari staf teknikal atau penyarah terlebih dahulu dan sekiranya dibenarkan masuk, pelajar tidak dibenarkan mengganggu aktiviti P&P.

##### 4.1.2 Penggunaan peralatan makmal-

- i. Pelajar di benar untuk menggunakan peralatan yang terdapat dimakmal tertakluk kepada peraturan berikut:-
  - a) Bagi penggunaan komputer dan peralatan yang dikategorikan sebagai "peralatan asas", pelajar perlu merekodkan penggunaannya di dalam buku log yang disediakan.
  - b) Penggunaan peralatan yang dikategorikan sebagai "peralatan terhad"(dikenal pasti oleh Ketua Makmal / Ketua Jabatan), pelajar perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Ketua Makmal dengan menggunakan borang *FKEKK/02/16v3* yang boleh diperolehi dari makmal.
  - c) Peralatan makmal yang digunapakai adalah dibawah tanggungjawab peminjam dan perlu menggantikannya sekira berlaku kehilangan.
  - d) Kerosakan peralatan perlu dimaklumkan segera kepada staf teknikal yang bertugas untuk diambil tindakan selanjutnya.

#### 4.1.3 Pengawasan-

- i. Pelajar yang memasuki makmal perlu mematuhi peraturan makmal sedia ada.
- ii. Bagi penggunaan "peralatan terhad" pelajar perlu mendapatkan pengawasan dari staf teknikal atau dari pensyarah.
- iii. Pelajar perlu merekodkan masuk dan keluar makmal dalam buku log.

4.1.4 Pelajar boleh di arahkan keluar dari makmal sekiranya tidak mematuhi peraturan sedia ada.

4.1.5 Kebenaran masuk makmal sepanjang waktu, hanya tertakluk kepada pelajar FKEKK sahaja.

4.1.6 Setiap makmal perlu mempamirkan jadual waktu aktiviti P&P bagi setiap semester (disahkan oleh Ketua Makmal) di papan kenyataan / pintu makmal untuk rujukan para pelajar.

4.1.7 Staf teknikal perlu melayani keperluan pelajar sepanjang pelajar berada dimakmal berdasarkan peraturan sedia ada.

4.1.8 Ketua Makmal, dari masa kesemasa akan memantau pelaksanaan garis panduan ini.

4.1.9 Garis panduan atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian untuk memantapkan lagi pelaksanaan ini akan dimaklumkan dari masa kesemasa.

## **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

5.1 Semua makmal FKEKK tertakluk kepada garis panduan ini

5.2 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai sesi pembelajaran semester II sesi 2012/2013 (program Ijazah Sarjana Muda) bermula.